

COVID-19 : DUA KLUSTER BAHARU AKIBAT ZIARAH RAYA, 49 POSITIF

KUANTAN, 3 JUN 2021: Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) mengesan dua kluster baharu membabitkan 49 individu positif COVID-19 akibat aktiviti ziarah ketika Aidilfitri yang disambut 13 Mei lalu.

Pengarah JKN Pahang, YH Dato' Dr. Haji Bahari Dato' Tok Muda Che Haji Awang Ngah dalam satu kenyataan media berkata, dua kluster berkenaan adalah melibatkan Daerah Kuantan dan Jerantut.

“Terdapat tiga kluster baharu dilaporkan pada hari ini iaitu Kluster Industri Gebeng, Kuantan; Kluster Batu Hitam, Kuantan dan Kluster Kampung Mat Daling, Jerantut.

“Kluster Batu Hitam bermula dengan satu kes yang positif pada 21 Mei 2021 di daerah Kuantan. Kluster ini bermula dengan indeks, seorang lelaki berusia 52 tahun di sebuah kilang di Gebeng.

“Kes mula bergejala demam pada 14 Mei 2021 dan disahkan positif pada 21 Mei 2021. Siasatan lanjut mendapati kes indeks ada menziarahi keluarga yang duduk berdekatan bersama satu keluarga yang lain pada hari raya pertama. Seramai 80 individu telah disaring dalam kluster ini dan 39 kes dikesan positif COVID-19,” katanya.

Beliau berkata, Kluster Kampung Mat Daling pula mula dilaporkan pada 25 Mei 2021 di daerah Jerantut dan penularan wabak melibatkan ahli keluarga dan penduduk kampung yang beraya dan berkumpul bersama iaitu di Kampung Mat Daling, Jerantut.

“Kes indeks bagi kluster merupakan seorang perempuan warganegara Malaysia berumur 37 tahun yang mula mengalami gejala hilang deria rasa pada 21 Mei 2021 dan pergi ke klinik swasta pada 24 Mei 2021 untuk menjalani saringan ujian di mana telah didapati positif. Ujian PCR telah diambil dan positif pada 25 Mei 2021.

“Siasatan lanjut mendapati kes telah pulang ke Kampung Mat Daling dari 11 Mei sehingga 18 Mei 2021. Seramai 47 kontak rapat telah disaring melibatkan ahli keluarga dan penduduk Kampung Mat Daling dan 10 telah disahkan positif COVID-19,” katanya.

Jelas beliau lagi, satu lagi kluster baharu iaitu Kluster Industri Gebeng, Kuantan pula disyaki telah berlaku penularan wabak di tempat kerja.

“Kluster Industri Gebeng bermula dengan satu kes yang dilaporkan pada 28 Mei 2021. Kes indeks bagi kluster ini seorang warganegara Malaysia dan kes mengalami gejala demam, selesema, batuk, sakit tekak, sakit badan dan hilang deria bau sejak 21 Mei 2021. Seramai 70 individu telah disaring dan 25 kes dikesan positif COVID-19,” katanya.

Menurut beliau, terdapat lapan kluster sedia ada mencatatkan kes baharu di seluruh negeri ini hari ini.

“Kes baru pada hari ini iaitu Kluster Jalan Syawal, Jerantut (tambahan 25 kes dengan jumlah keseluruhan 92 kes); Kluster Taman Teratai, Lipis (tambahan 10 kes dengan jumlah keseluruhan 60 kes); Kluster Kg Pagi, Jerantut (tambahan 9 kes dengan jumlah keseluruhan 25 kes).

“Kluster Kg Baru Bentong (tambahan 5 kes dengan jumlah keseluruhan 59 kes); Kluster Kg Paya Teh, Jerantut (tambahan 5 kes dengan jumlah keseluruhan 263 kes); Kluster Sg. Isap Perdana, Kuantan (tambahan 4 kes dengan jumlah keseluruhan 100 kes).

“Kluster Industri IM 14, Kuantan (tambahan 1 kes dengan jumlah keseluruhan 76 kes); dan Kluster DTI Kemayan, Bera (tambahan 1 kes dengan jumlah keseluruhan 41 kes),” katanya. **-PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#UKOMP

Oleh : Ain Nadhirah Basha

